



2 November 2023

KENYATAAN MEDIA MINGGUAN PAC

LAPORAN PAC BERHUBUNG PENGURUSAN WABAK COVID-19: VAKSIN LUPUT TEMPOH HAYAT, PERALATAN VENTILATOR TIDAK DAPAT DIGUNAKAN DAN LEBIHAN *PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT* (PPE) DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

1. Saya dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengambil maklum berhubung pandangan/pertanyaan/maklum balas terhadap Laporan PAC berhubung Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan PPE di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah dibentangkan pada 30 Oktober 2023.
2. Prosiding ini diadakan susulan daripada penemuan audit yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021 Siri 2, Aktiviti Kementerian/Jabatan/Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan, PAC telah mendengar taklimat berhubung LKAN ini pada 7 Jun 2023 sebelum memutuskan untuk menyiasat isu berhubung Pengurusan Wabak COVID-19.
3. Malah, isu ini mendapat perhatian Ahli Dewan Rakyat ketika membahaskan LKAN semasa Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen ke-15 pada 6 Jun 2023.

4. PAC telah mengadakan 4 prosiding berkenaan isu ini pada 15 Jun 2023, 22 Ogos 2023, 14 September 2023 dan 21 September 2023. Mesyuarat penyediaan laporan ini telah diadakan pada 16,17 dan 18 Oktober 2023. Manakala, mesyuarat verifikasi draf laporan ini telah diadakan pada 26 Oktober 2023.
5. PAC mengambil masa **selama 5 bulan 2 minggu** sebelum laporan ini dibentangkan di Dewan Rakyat pada 30 Oktober 2023. Tempoh masa yang lama ini membuktikan bahawa PAC menjalankan prosiding ini dengan telus dan teliti dalam memastikan laporan ini dihasilkan dengan komprehensif.
6. Dalam 4 prosiding yang diadakan, saksi yang hadir di hadapan PAC terdiri daripada KKM, PHARMANIAGA Berhad, Ahli Parlimen Ayer Hitam merangkap Mantan Menteri Pengangkutan, mantan Ketua-ketua Setiusaha KKM dan syarikat IDS Medical Systems (M) Sdn. Bhd.

MEKANISME PENYEDIAAN LAPORAN PAC

7. Ingin saya jelaskan bahawa semua Laporan PAC dihasilkan melalui prosiding yang diadakan dengan bukti diperolehi daripada keterangan dan dokumen yang diberi oleh saksi. PAC menerima bukti dari semua pihak yang terlibat secara langsung bagi isu-isu yang dibincangkan semasa prosiding berkenaan.
8. Laporan PAC merupakan pendedahan kepada kerajaan untuk mengambil tindakan sewajarnya memandangkan PAC tidak mempunyai punca kuasa untuk mendakwa sebaliknya, PAC memberikan syor kepada Kerajaan supaya penambahbaikan dilakukan terhadap tadbir urus Kerajaan sama ada daripada segi pengurusan atau perolehan.

9. Susulan daripada pembentangan Laporan PAC berhubung Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebih PPE di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), PAC akan menghantar surat kepada KKM dan memberi masa selama 2 bulan kepada KKM untuk menjawab 5 syor yang telah diberikan oleh PAC. Selepas PAC mengadakan prosiding maklum balas, PAC akan membentangkan Laporan Tindakan Susulan berhubung isu ini yang mengandungi maklum balas KKM terhadap syor PAC di Parlimen.
10. Jadi, dalam setiap isu yang disiasat PAC, dua laporan akan dihasilkan iaitu yang pertama Laporan PAC di mana PAC akan memberikan rumusan dan syor terhadap isu berkenaan. Selepas itu, PAC akan membentangkan laporan kedua iaitu Laporan PAC berhubung maklum balas Kementerian terhadap syor PAC.
11. Kedua-dua laporan ini, akan melalui lima mesyuarat sebelum ia dapat dihasilkan serta dibentangkan di Parlimen dan ia menunjukkan betapa PAC komited untuk rakyat mengetahui apa yang dilakukan Kerajaan terhadap segala rumusan dan syor yang dibuat PAC.
12. Rakyat boleh menilai tindakan yang telah diambil Kerajaan terhadap syor yang dibangkitkan oleh PAC sama ada Kerajaan benar-benar serius dalam tindakan mereka.
13. Saya juga ingin menjelaskan bahawa setiap laporan PAC yang dibentangkan perlu dipersetujui 7 wakil tetap Kerajaan (Ex-Officio) terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam,

Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi dan Jabatan Akauntan Negara.

14. Kesemua Ahli-ahli PAC termasuk 7 Ex-Officio ini perlu bersetuju secara konsensus dengan laporan, rumusan dan syor sebelum ia dibentangkan di Dewan Rakyat.
15. Tidak pernah mana-mana laporan PAC yang perlu melalui undi belah bahagi walaupun perkara ini dibenarkan dalam Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.
16. Laporan yang konsensus ini adalah bukti bahawa PAC adalah sebuah Jawatankuasa *non partisan* di mana semua ahlinya tidak membawa ideologi parti politik mereka apabila masuk menghadiri mesyuarat PAC yang penting bagi kami 14 ahli PAC adalah memastikan wang rakyat dibelanjakan demi kepentingan negara dan rakyat secara berhemah.

PEMERKASAAN PERANAN PAC

17. Selaras dengan kuasa yang diberikan kepada PAC, sememangnya PAC memfokuskan kepada isu dalam pentadbiran Kerajaan yang dikenal pasti mempunyai unsur 3P 1K iaitu Pembaziran, Penyelewengan dan Penyalahgunaan kuasa serta Ketirisan.
18. Dalam aspek ini, kerjasama erat PAC dan Jabatan Audit Negara (JAN) sejak dahulu lagi menjadi tunjang utama untuk memastikan akauntabiliti sektor awam sentiasa menjadi agenda utama dan bagi PAC, ia menjalankan fungsi pengawasan (*oversight*) bagi cabang perundangan iaitu Parlimen dilaksanakan.

19. Walau bagaimanapun, PAC tidak mempunyai kuasa untuk meminta JAN untuk melakukan audit secara terus ke atas kementerian/agensi/jabatan serta mana-mana pihak yang menerima dana Kerajaan disebabkan oleh Akta Audit 1957.
20. Ini adalah kekangan kepada PAC kerana jika PAC mahu JAN melaksanakan pengauditan kepada mana-mana kementerian/agensi/jabatan serta pihak yang menerima dana Kerajaan terutama jika isu berkenaan tidak dilaporkan dalam LKAN, PAC perlu memohon kepada Ketua Audit Negara dan Kementerian Kewangan serta Jabatan Perdana Menteri dan tertakluk pada budi bicara pihak-pihak ini untuk membenarkan JAN melaksanakan pengauditan bagi pihak PAC.
21. Sehubungan itu, PAC berharap Kerajaan akan melakukan pindaan terhadap Akta Audit 1957 supaya PAC dapat memohon pihak JAN untuk melaksanakan audit secara terus ke atas mana-mana kementerian/agensi/jabatan serta pihak yang menerima dana Kerajaan apabila diperlukan oleh PAC.

**PENYAHKLASIFIKASI LAPORAN SIASATAN JAWATANKUASA
SIASATAN TADBIR URUS, PEROLEHAN DAN KEWANGAN
KERAJAAN (JKSTUPKK) BERHUBUNG PROJEK LAND SWAP DI
BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

22. Saya juga ingin menyentuh tentang permohonan PAC bagi penyahklasifikasi Laporan Siasatan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) berhubung Projek *Land Swap* di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia.

23. Saya telah menerima surat jawapan pada 22 September 2023 daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), YB Dato' Sri Azalina binti Othman Said yang memaklumkan bahawa maklum balas/ulasan daripada agensi-agensi yang berkaitan hendaklah diperolehi sebelum suatu keputusan dibuat sama ada laporan ini mempunyai kewajaran untuk dinyahklasifikasikan atau tidak. Hasil daripada maklum balas/ulasan tersebut akan dimaklumkan kepada saya kelak.
24. Jawapan yang diberikan oleh YB Menteri amat mendukacitakan memandangkan ini bukan kali pertama Laporan JKSTUPKK dinyahklasifikasikan.
25. Sebelum ini, Laporan JKSTUPKK berhubung Perolehan Enam Buah *Second Generation Patrol Vessel* (SGPV), berkeupayaan *Littoral Combatant Ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia, Kementerian Pertahanan Malaysia dan Laporan JKSTUPKK berhubung *Automated Enforcement System* (AES) telah dinyahklasifikasi bagi membolehkan PAC menjalankan prosiding.
26. Jawapan YB Menteri Undang-undang dan Reformasi Institusi dilihat seperti Kerajaan seolah-olah cuba untuk melengah-lengahkan penyahklasifikasi laporan ini menyebabkan PAC tidak dapat menjalankan prosiding berhubung isu ini.
27. Justeru, PAC berharap agar Kerajaan segera menyahklasifikasi Laporan JKSTUPKK berhubung Projek *Land Swap* di bawah MINDEF secepat mungkin.

Prosiding Pengurusan Dana Latihan Dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Bhd. (HRD Corp.)

28. Seperti semua sedia maklum, PAC kini sedang menjalankan prosiding berhubung Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp dengan prosiding pertama diadakan pada 23 Oktober 2023.
29. Setakat ini, empat saksi telah hadir bagi memberikan keterangan dan penjelasan kepada PAC iaitu:
- i. **YBhg. Datuk Hj Amran bin Hj. Ahmad**, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) (Dasar dan Antarabangsa) Kementerian Sumber Manusia;
 - ii. **YBhg. Datuk Wira Shahul Dawood**, Ketua Eksekutif HRD Corp;
 - iii. **YBhg. Datuk Rosli bin Yaakob**, mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp; dan
 - iv. **YBhg. Datuk Grace Chia Hui Yen**, mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp.
30. Hari ini, PAC memanggil **YB Tuan V. Sivakumar**, Menteri Sumber Manusia bagi memberikan penjelasan dan keterangan mengenai HRD Corp memandangkan syarikat ini adalah di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen